

03/10/2002

Sertai politik untuk berkhidmat kepada rakyat

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Generasi muda yang berhasrat menceburi dunia politik perlu memastikan perjuangan mereka berlandaskan prinsip untuk berkhidmat kepada rakyat.

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata mereka juga harus menyedari tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat tidak berubah dengan perubahan masa.

Berucap menyampaikan syarahan bertajuk 'Warisan Perdana Menteri Malaysia' pada siri syarahan Perspektif Dari Masa Lampau, Paradigma Untuk Masa Depan Persatuan Profesional Muda (Promuda) di sini malam ini, beliau berkata:

"Keperluan bagi pembangunan negara tidak berubah dan cabaran itu akan terus memerlukan mereka yang pintar, berwawasan, terpelajar, berniat suci serta bersemangat kental untuk berkhidmat kepada rakyat.

"Jika anda ingin memasuki politik, kata panduan anda ialah 'berkhidmat'. YB sepatutnya bermaksud Yang Berkhidmat, bukan Yang Berhutang atau Yang Berbohong.

"Anda perlu berkhidmat kepada rakyat. Seseengah perkara tidak berubah bersama setiap generasi baru walau apapun yang difikirkan mereka," katanya.

Abdullah berkata, warisan tiga Perdana Menteri terakhir negara, khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah pengwujudan ekonomi dan masyarakat perkongsian.

Katanya, daripada zaman Tun Abdul Razak Hussein ketika Dasar Ekonomi Baru (DEB) diwujudkan sehingga zaman Dr Mahathir, dasar ekonomi dan politik negara mempunyai dimensi perkongsian, iaitu setiap dasar adalah bagi menangani ketidakseimbangan dan halangan kepada keadilan sosioekonomi.

"Dimensi perkongsian dasar mikro dan makro ini boleh dilihat dalam pelbagai usaha untuk pembabitian semua, penyertaan dan akauntabiliti," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beberapa program tidak mencapai matlamat murninya disebabkan sama ada kerana pelaksanaan yang salah, pengagihan yang tidak betul atau pengurusan buruk oleh pelaksana yang kurang jujur.

"Jika kita gagal dalam beberapa hal, ia adalah kerana adanya mereka yang lebih taksab dengan kesaksamaan hasilnya berbanding kesaksamaan peluang. Kesaksamaan hasilnya tidak mungkin dicapai, tidak semua orang boleh dipastikan memiliki rumah di Country Heights atau kereta Ferrari atau empat isteri," katanya.

Mengimbas kepimpinan Dr Mahathir, Abdullah berkata, pertimbangan utama beliau dalam membuat sesuatu keputusan ialah semata-mata untuk negara.

"Jika beliau percaya apa yang dilakukannya adalah betul dan untuk kepentingan Malaysia, perkara lain tidak diambil kisah lagi - bukan kepentingan parti dan pastinya bukan kepentingan diri," katanya sambil menambah masih awal untuk membicarakan warisan Dr Mahathir.

Mengenai kepimpinan Tun Abdul Razak, Abdullah berkata, banyak warisan yang ditinggalkannya menjadi asas kepada dasar ekonomi dan politik pemimpin selepas beliau.

Antaranya ialah DEB yang menjadi asas dasar ekonomi negara, formula Barisan Nasional (BN) yang mewujudkan kestabilan politik, membebaskan Umno daripada pergantungan kewangan MCA dan meletakkan perpaduan Melayu ke tahap paling tinggi, termasuk membawa masuk Pas dalam BN.

"Tun Razak adalah seorang nasionalis, seorang realis, seorang yang

prorakyat dan rapat dengan orang kampung. Tun Razak berikrar tidak akan membenarkan bukan Melayu mengancam masa depan politik Bumiputera seperti dilakukan ketika Singapura berada dalam Malaysia dan ketika pilihan raya 1969," katanya.

Abdullah berkata, Tunku Abdul Rahman Putra pula meninggalkan dua warisan utama, iaitu mendapatkan kemerdekaan negara tanpa menumpahkan darah serta mewujudkan perkongsian kuasa antara kaum menerusi parti Perikatan.

"Tengku adalah ketua arkitek kepada kemerdekaan dan Perlembagaan. Kita semua terhutang budi kepadanya," katanya.

Menyentuh warisan Tun Hussein Onn, Abdullah berkata, sumbangan utama beliau kepada negara ialah dengan berpegang kepada dasar Perdana Menteri sebelumnya.

"Mengambil kira keadaan pada masa itu, beliau adalah pemimpin terbaik yang memastikan kesinambungan, ramuan utama kestabilan negara," katanya.